

24 DEC 1999

Sukan-Le Tour

PENDAKIAN YANG PALING MENCABAR DALAM SIRI KELIMA LE TOUR

LANGKAWI, 24 Dis (Bernama) -- Pelumba yang menyertai Kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi 2000 mulai 25 Jan ini akan menghadapi cabaran sengit kerana terpaksa menghadapi pendakian paling mencabar di dunia bagi kejohanan itu.

Seorang pegawai First Cartel (M) Sdn Bhd Syed Mustafa Shahabudin yang juga ketua bahagian protokol Le Tour de Langkawi hari ini berkata perlumbaan peringkat keempat itu bermula dari Lumut ke Tanah Rata sejauh 162.5 kilometer akan diadakan pada 29 Jan ini.

Bukan sahaja para pelumba akan menghadapi pendakian tinggi malah paling jauh di dunia bagi perlumbaan basikal setakat ini, katanya di sini.

Kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi itu akan bermula 25 Jan sehingga 6 Feb ini. Ia dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Para pelumba perlu menunjukkan kemahiran, kemampuan selain kayuhan terbaik untuk pendakian itu, bagi memastikan kemenangan.

Perlumbaan berprestij itu disertai 25 pasukan termasuk 19 pasukan profesional dan kebangsaan anjuran First Cartel (M) Sdn Bhd, acara itu adalah antara perlumbaan terbaik di dunia selain Tour de France dan Giro d'Italia.

Perlumbaan edisi kelima ini meliputi 12 peringkat itu sejauh 1,600 kilometer dan akan disertai 250 pelumba dari pasukan terbabit dan merupakan perlumbaan pertama dan terbesar yang dianjurkan oleh Malaysia dalam alaf baru, kata Syed Mustafa.

Sementara itu, Le Tour de Langkawi 2000 dijangka berlangsung hebat walaupun tanpa pasukan profesional Mapei dari Itali yang tidak akan mengambil bahagian.

Walaupun tanpa pasukan terkemuka dunia itu, Itali mempunyai empat lagi kelab iaitu Cantina Tolo, Liquigas-PATA, Mobilvetta dan Panaria-Gaerne yang menyertai acara itu.

Beberapa kelab dan pasukan yang telah menyertai perlumbaan itu dijangka memberi saingan, termasuk pasukan profesional Saturn dari Amerika Syarikat yang telah menyertai empat edisi sejak 1997.

Pasukan-pasukan baru seperti Big Mat Auber 93 dari Perancis, Phonak dari Switzerland, Colstrop dari Belgium dan Selle Italia dari Colombia tidak kurang handalnya yang boleh membuat kejutan.

Sepuluh dari 16 pasukan profesional adalah pasukan baru dalam Le Tour de Langkawi yang menawarkan hadiah keseluruhan kira-kira RM1.5 juta.

-- BERNAMA

ZI NH RI